

14 JUN 2002

MCA-Ling

PEMIMPIN MCA PERLU BERTOLAK ANSUR, KATA LING

KUALA LUMPUR, 14 Jun (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik malam ini menasihatkan pemimpin MCA terutamanya pemimpin Pemuda supaya bertolak ansur dalam mencapai kata sepakat mengenai barisan kepimpinan yang baru bagi tahun 2002 sehingga 2005.

Beliau berkata, tidak rugi bagi mereka bertolak ansur demi kepentingan parti dalam melaksanakan pelan perdamaian yang dikemukakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada MCA.

"Bertolak ansur dalam mencapai kata sepakat tidak bererti mereka atau seseorang itu menyerah kalah," katanya kepada pemberita selepas merasmikan konvensyen tahunan MCA Wilayah Persekutuan di sini.

Turut hadir Naib Presiden Datuk Dr Fong Chan Onn, Datuk Chua Jui Meng, Datuk Seri Ong Ka Ting dan Datuk Chan Kong Choy.

Dr Ling berkata demikian selepas ditanya pemberita mengenai kegagalan kedua-dua puak yang bertelagah dalam pergerakan pemuda MCA untuk mencapai kata sepakat mengenai barisan kepimpinan pergerakan itu untuk tahun 2002 sehingga 2005.

Di bawah pelan perdamaian yang dikemukakan, kedua-dua belah pihak dalam MCA termasuk Pemuda, perlu mengemukakan hanya satu senarai barisan kepimpinan mereka selepas pucuk pimpinan parti, melalui jawatankuasa pusat, menetapkan status quo semua penyandang jawatan dalam parti itu bermula dari peringkat bahagian sehingga ke pusat dikekalkan.

Jawatankuasa pusat parti juga memutuskan supaya sebarang kekosongan dalam jawatan perlu diisi melalui perundingan serta kata sepakat berikutan keputusan untuk mengekalkan status quo dalam parti itu.

Dr Ling turut ditanya mengenai keputusan kabinet untuk meningkatkan bilangan pelajar bumiputera di Institut Pengajian Tinggi swasta (IPTs) tanpa menetapkan sebarang kuota.

"Jemaah menteri telahpun membuat keputusan dan kita akan akur dengan keputusan itu," kata beliau.

Semasa diminta mengulas mengenai hanya seorang pelajar bumiputera yang mendaftar untuk pengajian di Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) yang dimiliki MCA Dr Ling berkata, "kita akan membincangkan perkara itu dalam Barisan Nasional (BN) melalui cara BN."

-- BERNAMA

AT LIB AFY ROS